

PANDUAN PENAMAAN PERUJUK PERIBADI (URUSAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK)

A. TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH CALON

- (1) Calon diminta mengisi borang **UniSZA-PT03-PK04-BR014** dan mengemukakan kepada Penolong Pendaftar di Fakulti/ Pusat sebelum di serahkan kepada Jabatan Pendaftar. Untuk perhatian calon, Penolong Pendaftar di Fakulti/ Pusat tidak akan menghubungi perujuk peribadi masing-masing bagi mendapatkan laporan calon.
- (2) Calon adalah bertanggungjawab untuk berhubung sendiri dengan perujuk peribadi dan calon hendaklah meminta supaya perujuk peribadi menghantar laporan rujukan mereka terus kepada Pendaftar dalam tempoh dua (2) minggu.

B. PANDUAN

- (1) Untuk permohonan ke jawatan **Pensyarah Gred 52 (Pensyarah Kanan), calon diminta mengemukakan dua (2) nama Perujuk Peribadi** manakala untuk permohonan jawatan ke **Pensyarah Gred 54 (Profesor Madya) dan ke atas, calon hendaklah mencadangkan tiga (3) nama Perujuk Peribadi** dan seboleh-bolehnya Perujuk Peribadi itu hendaklah:
 - a. mempunyai kepakaran di dalam bidang yang sama atau berkaitan dengan bidang kepakaran Pemohon;
 - b. berkhidmat di dalam atau luar UniSZA (sama ada dalam Negara atau luar Negara);
 - c. mempunyai gred jawatan yang lebih tinggi daripada Pemohon.
 - d. pernah menjadi Penyelia untuk tesis sarjana/ kedoktoran calon.

(Calon diminta memberikan butir-butir peribadi kepada perujuk peribadi yang dinamakan seperti format yang disediakan di **UniSZA-PT03-PK04-BR015**.)
- (2) Timbalan Naib Canselor/ Ketua Jabatan/ Pengerusi Bahagian/ Pengarah/ Dekan Fakulti/ Pengarah Pusat tuan/puan, Ahli-ahli Lembaga Pemilih dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah **tidak boleh dinamakan sebagai perujuk peribadi.**